PEMBERITAHUAN

LANJUTAN TEMPOH SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA SENARAI CAPAIAN DAN KAJIAN SEMULA STANDARD MANDATORI CAPAIAN

CYBERJAYA, 5 Mei 2026 --- Merujuk kepada pemberitahuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bertarikh 3 April 2026 yang lalu, MCMC sedang menjalankan Siasatan Awam mengenai Kajian Semula Senarai Capaian dan Kajian Semula Standard Mandatori Capaian mulai 3 April 2026 sehingga 19 Mei 2026. Untuk makluman, tempoh Siasatan Awam ini kini **dilanjutkan sehingga 3 Jun 2026.**

Oleh itu, semua ulasan bertulis hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah selewat-lewatnya pada **12:00 tengah hari, 3 Jun 2026 (Rabu).**

Kedua-dua Kertas Siasatan Awam ini boleh dilayari di laman sesawang MCMC: https://www.mcmc.gov.my/en/resources/reports/information-paper.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p.: Jabatan Capaian, Bahagian Kawalselia Pasaran)

Tel.: +603 8688 8000
Faks.: +603 8688 1000
E-mel: access.dept@mcmc.gov.my